

16/11/1998

ECM 13 bantu pulihkan ekonomi negara

MULAI 1 Oktober lalu, sesiapa yang keluar masuk negara ini melalui 30 pintu masuk utama diwajibkan mengisytiharkan wang dengan mengisi Borang Perisytiharan Pengembara (TDF) berikutan penguatkuasaan peraturan Langkah Kawalan Pertukaran 13 (ECM 13). Sebulan selepas itu, peraturan berkenaan dikuatkuasakan di semua 117 pintu masuk. Wartawan BH, Fazli Abdullah, menemubual Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat, selaku jabatan utama menguatkuasakan peraturan itu.

Soal: BANK Negara Malaysia menurunkan kuasa kepada Jabatan Imigresen dan Kastam untuk melaksanakan ECM 13. Apakah rasionalnya Imigresen dipilih menguatkuasakan peraturan itu?

Jawapan: Sepatutnya, Imigresen tidak terbabit dalam pelaksanaan peraturan itu kerana ia tugas Kastam. Bagaimanapun, memandangkan tanggungjawab Imigresen memeriksa setiap individu keluar masuk di pintu masuk, maka kerajaan mahu Imigresen turut memainkan peranan. Jika Jabatan Kastam saja, pegawai mereka hanya melakukan pemeriksaan secara rambang ke atas mereka yang keluar masuk. Selain itu, Imigresen juga memainkan peranan utama ketika sesi penerangan mengenai pelaksanaan ECM di seluruh negara. Jadi, kami adalah jabatan paling sesuai melakukan tugas itu.

Soal: ECM 13 dikuatkuasakan dengan mewajibkan sesiapa saja yang keluar masuk negara ini mengisi TDF. Boleh Datuk jelaskan pelaksanaannya dan perjalanan peraturan itu sehingga kini.

Jawapan: Ketua Pengarah Imigresen dan pegawai Imigresen dilantik oleh pengawal pertukaran wang asing untuk menjalankan dan melaksanakan semua atau mana-mana kuasa dan tugas pengawal itu mengikut Seksyen 24 dan juga Bahagian 3, Jadual ke 5 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Pada peringkat awal, ECM dilaksanakan di beberapa pintu masuk utama secara lisan seperti di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Johor Bahru dan Pulau Pinang untuk memberi pengetahuan dan persediaan kepada pelancong sama ada warga Malaysia atau rakyat asing. Ia dilaksanakan dengan pegawai Imigresen bertanya jumlah mata wang dibawa masuk dan keluar.

ECM 13 dikuatkuasakan ke atas orang keluar masuk dan mereka wajib mengisi TDF mulai 1 Oktober 1998 di 30 pintu masuk - pintu masuk utama dan penting, sekali gus boleh mengetahui kelancaran pelaksanaan dasar itu. Pelaksanaan sepenuhnya di 117 pintu masuk bermula 1 November lalu.

Setakat ini, perjalanan peraturan itu berjalan lancar kerana Imigresen dan Jabatan Kastam sudah merancang strategi supaya peraturan itu berjalan lancar dan tidak menyusahkan.

Soal: Peraturan ECM agak baru bagi rakyat Malaysia dan pelancong ke negara ini. Jadi, bagaimana dengan maklum balas mereka apabila diwajibkan mematuhi peraturan itu?

Jawapan: Pengisytiharan wang yang dibawa masuk atau keluar di sesebuah negara bukan perkara baru. Malah, banyak negara Barat termasuk Australia sudah melaksanakannya. Sejak pelancaran ECM 13, Imigresen tidak menghadapi masalah kerana kebanyakan pelawat dan rakyat negara ini sudah maklum dan menerimanya secara terbuka. Kebanyakan pelancong Barat tidak bermasalah mengisi TDF dan akur terhadap dasar itu. Selain mengisi borang Imigresen, mereka menulis TDF yang berkehendakkan beberapa butiran saja. Berdasarkan pemerhatian di kaunter pemeriksaan di pintu masuk, pelancong akur. Bagaimanapun, ada sedikit masalah khususnya komunikasi dengan pelancong China dan Taiwan kerana kebanyakan mereka tidak boleh bercakap bahasa

Inggeris tetapi Imigresen tetap membantu mereka.

Soal: Bagaimana dengan reaksi orang ramai seperti sepasang pelancong Australia yang menulis perkataan lucu pada TDF dan tindakan pegawai Imigresen mengatasinya?

Jawapan: Ada beberapa kes yang agak mencabar kewibawaan pegawai Imigresen seperti di pintu masuk KLIA apabila sepasang pelancong menulis perkataan lucu pada TDF selepas enggan mengikut peraturan itu. Satu lagi kes di Kompleks Sultan Abu Bakar Tanjung Kupang, Johor, apabila seorang warga Singapura ditahan untuk siasatan kerana mengeluarkan kata-kata kesat kepada pegawai Imigresen apabila diarah mengisi TDF. Ini adalah cabaran dan kita memang menduga kemungkinan berlaku keadaan seperti itu. Bagaimanapun, Imigresen bersedia dan menerima dengan semangat terbuka. Bilangan mereka yang enggan mematuhi peraturan adalah kecil dan peratusannya sangat rendah. Dalam apa juga keadaan, kita tabah melaksanakan peraturan itu. Bank Negara juga sudah mengeluarkan papan tanda, risalah dan pengumuman melalui media untuk memaklumkan kepada orang ramai serta pelancong mengenai ECM.

Soal: Imigresen mempunyai kira-kira 4,000 pegawai dan kakitangan seluruh negara, dan hampir separuh bertugas di pintu masuk. Adakah peraturan ini menimbulkan masalah kerana pertambahan tugas dan kerenaah orang ramai?

Jawapan: Peraturan itu menambahkan tugas Imigresen, khususnya mereka yang bertugas di pintu masuk. Bagaimanapun, kami melaksanakannya dengan hati terbuka kerana ia adalah dasar kerajaan bertujuan memulihkan ekonomi negara. Dari segi kerenaah orang ramai, pegawai kami sememangnya terlatih untuk menghadapi situasi mencabar. Oleh itu, isu kerenaah orang ramai tidak menimbulkan masalah dan boleh diatasi.

Soal: Adakah Imigresen mampu menguatkuasakan sepenuhnya peraturan itu memandangkan bilangan pegawai yang terhad?

Jawapan: Sebagaimana yang saya jelaskan, peraturan ini adalah dasar kerajaan dan kita menerima serta melaksanakan dengan sebaik-baiknya walaupun timbul soal pegawai tidak mencukupi. Kita menanganinya dengan cara menyelesaikan sesuatu krisis iaitu dengan cara mengubah dan menyesuaikan sistem kerja yang dapat menyerap pelaksanaan TDF sebagai satu tugas tambahan.

Soal: Pelajar, pekerja dan penunggang motosikal yang ada Pas Perisytiharan Pelancong (TDP) tidak perlu mengisi TDF. Bagaimana pemeriksaan rambang dilakukan bagi pastikan tiada yang ambil kesempatan melanggar peraturan?

Jawapan: TDP diberi untuk memudahkan mereka berulang-alik dari Johor ke Singapura. Bagaimanapun, mereka masih tertakluk kepada pemeriksaan rambang oleh pegawai Imigresen dan kastam. Jika pegawai berasa was-was atau mengesyaki ada kumpulan ini membawa wang lebih daripada dibenarkan, mereka akan diperiksa dan tindakan diambil jika didapati melanggar peraturan.

Soal: Sejak ECM 13 dikuatkuasakan, berapa banyak kes cubaan membawa masuk dan keluar melebihi syarat dikesan.

Jawapan: Memang ada cubaan membawa masuk dan keluar wang melebihi syarat dibenarkan seperti Johor Bharu dan Pulau Pinang. Jika jumlah wang dibawa masuk atau keluar melebihi had, Imigresen akan merujuk kes itu kepada kastam di pintu masuk yang sama dan terpulang kepada kastam untuk mengambil tindakan berlandaskan undang-undang. Di Johor Bharu saja Imigresen merujuk banyak kes kepada kastam apabila rakyat tempatan dan pelancong mengisytiharkan membawa wang melebihi had. Anggaran kes yang dirujuk membabitkan kira-kira RM1.2 juta wang cuba dibawa keluar dan masuk melebihi syarat.

Soal: Apa komen Datuk mengenai keberkesanan peraturan dan perkara yang perlu diberi penekanan bagi memastikan kelancaran peraturan itu.

Jawapan: Sejak dikuatkuasakan, ECM banyak menyedarkan masyarakat umum

dan membantu usaha memulihkan ekonomi negara.

Dasar itu mula menampakkan keberkesanannya, yang mana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah menyatakan ekoran pelancaran ECM, menampakkan tanda pemulihan ekonomi negara. Kita juga sedia maklum banyak negara asing memperakui dasar ini sebagai sesuatu yang positif dan harus dilaksanakan.

Perkara yang perlu diberi penekanan ialah menyedarkan rakyat supaya memahami objektif sebenar pelaksanaan dasar itu supaya mereka dapat menyumbang ke arah pemulihan ekonomi. Dari segi Imigresen, kami akan terus melaksanakan peraturan itu di semua pintu masuk di negara ini. Orang awam harus memahami dan menerima dasar ini kerana ia adalah satu dasar untuk melindungi negara kita.

(END)